

Headline	Khidmat kesihatan antara terbaik		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	14 Jun 2014	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	20,000
Page No	19	Readership	60,000
Language	Malay	ArticleSize	333 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,921
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,763



Khidmat kesihatan antara terbaik

Nisbah doktor dengan penduduk 1:1000 jauh lebih baik jika dibandingkan dengan negara membangun

BERA - Perkhidmatan kesihatan di negara ini adalah antara terbaik di seluruh dunia apabila kerajaan berusaha menaik taraf dan memperuntukkan RM22 bilion dalam tempoh setahun untuk menjaga kesihatan rakyat.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-tugas Khas, Datuk Norol Azali Sulaiman berkata, walaupun negara masih kekurangan dari aspek kepakaran dan teknologi dalam bidang ini, namun pencapaian yang dinilai itu menunjukkan kerajaan sentiasa memastikan hidup rakyat lebih sejahtera.

Menurutnya, hampir di setiap kampung di negara ini mempunyai klinik desa dan kesihatan kesihatan agar memudahkan rakyat mendapatkan perkhidmatan kesihatan, selain pembekalan ubat-ubatan secara percuma.

"Kerajaan berusaha menaik taraf perkhidmatan kesihatan apabila sebanyak RM22 bilion diperuntukkan

setiap tahun. Malah, nisbah bilangan doktor dengan penduduk antara 1:1000, dan angka ini jauh lebih baik jika dibandingkan dengan negara yang sedang membangun.

"Dengan kemudahan hospital termasuk bilangan katil yang disediakan juga masih mencukupi untuk pesakit, malah masih ada lagi hospital yang sedang dibina termasuk Hospital Bera ini bagi menampung keperluan penduduk," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Seminar HIV/AIDS Bersama Pemimpin Masyarakat Peringkat Daerah Bera 2014, di Dewan Majlis Daerah Bera (MDB), dekat sini.

Hadir sama, Pegawai Daerah, Shamsudin Sah Mohd Said dan Pegawai Kesihatan Daerah, Dr Wan Rosealaiza Wan Abd Ghani.

Norol Azali berkata, kerajaan telah melaksanakan peranannya, cuma

sedaran di kalangan rakyat mengenai kesihatan ini perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Katanya, rakyat perlu beringat dan mengetahui tanda-tanda awal untuk mendapat risiko kesihatan pada diri sendiri, dan perlu mengamalkan gaya hidup sihat.

"Kita tidak perlu tunggu sehingga kita sakit, baharu mahu ke klinik atau hospital. Sebaliknya, kita mesti mendapatkan rawatan kesihatan sekurang-kurangnya setahun sekali.

"Kakitangan Pejabat Kesihatan dilihat kerap turun padang untuk menyedarkan rakyat mengenai perkara ini, dan sekarang rakyat perlu bertanggungjawab untuk menjaga kesihatan diri sendiri," kata beliau.

Lebih 100 pemimpin masyarakat hadir pada program itu disaran menyampaikan pengetahuan berkaitan HIV/AIDS kepada masyarakat bagi mengurangkan risiko jangkitan kepada orang lain.



Norol Azali (kiri) diiringi Dr Wan Rosealaiza dan Shamsudin Sah semasa melancarkan gimik perasmian program itu.

Headline	Khidmat kesihatan antara terbaik		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	14 Jun 2014	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	20,000
Page No	19	Readership	60,000
Language	Malay	ArticleSize	333 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,921
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,763



Norol Azali (kanan) berkesempatan melawat gerai dan pameran yang disediakan pada program tersebut.